



TABUNG HAJI

حي على الفلاح



Pegawai Kemajuan Negeri Perak
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri
Tingkat 8, 9 & 10, Bangunan **TH**
Jalan Koo Chong Kong
30000 IPOH

Ruj. kami : A429/404/1-1 klt.9(16)

Tarikh : 14 Zulkaedah 1438H
7 Ogos 2017

السلام عليكم ورحمة الله

YBhg. Dato'

LARANGAN MEROKOK DI PREMIS TH

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan, Lembaga Tabung Haji (**TH**) melalui Maklumat Sumber Manusia Bil. 18/2017 telah **menguatkuasakan larangan merokok** di dalam kawasan dan persekitaran premis **TH** meliputi kawasan dalam premis dan pejabat **TH** seluruh Malaysia yang **berkuatkuasa serta merta**.

3. Penguatkuasaan peraturan ini selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang menguatkuasakan larangan merokok di premis-premis awam dan pejabat kerajaan termasuk premis dan pejabat **TH** sendiri.

4. Diantara kawasan larangan merokok di pejabat dan premis **TH** telah ditetapkan seperti berikut:

- 4.1 Kawasan dalam pejabat
- 4.2 Kawasan dalaman lobi utama
- 4.3 Seluruh kawasan tangga kecemasan
- 4.4 Tandas-tanda dalam pejabat
- 4.5 Seluruh kawasan kafeteria / restoran
- 4.6 Dewan Besar / Bilik Seminar
- 4.7 Seluruh kawasan parkir kereta
- 4.8 Dalam lif
- 4.9 Bilik-bilik jentera seperti *chiller room*
- 4.10 Lain-lain kawasan yang berkaitan

.../2

5. Berdasarkan Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 mana-mana orang yang melanggar peraturan ini boleh didenda tidak melebihi **sepuluh ribu ringgit** atau **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun**.

6. Sehubungan itu, semua kakitangan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak yang berada atau yang berurusan secara langsung atau tidak langsung di premis **TH** Ipoh dinasihatkan agar tidak merokok di dalam kawasan premis **TH** seperti yang dinyatakan di para 4.

7. Di atas kerjasama pihak YBhg. Dato' dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas



Haji JOHARI BIN ISMAIL

Timbalan Pengarah Negeri

b.p. Pengarah

Lembaga Tabung Haji

NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN